

LAPORAN
TAHUNAN
COB PBT
CAWANGAN
PENGURUSAN
STRATA **2015**



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

LAPORAN TAHUNAN COB PBT

CAWANGAN
PENGURUSAN
STRATA **2015**

KANDUNGAN

ISSN 1234-5678
©KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERJAAN TEMPATAN
Hak Cipta Terpelihara 2015

www.kpkt.gov.my/pro@kpkt.gov.my
www.twitter.com/kpkt_gov
www.facebook.com/KPKTMalaysia

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di kemukakan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada KPKT.

Kata Alu Aluan	04
Ketua Setiausaha	
Senarai Jadual	06
Akronim dan Terminologi	08
Latar Belakang	09
Carta Organisasi	10

Objektif

Kualiti Kehidupan Penghuni Bangunan Berstrata

Kualiti Pengurusan Kategori 1
Kualiti Pengurusan Kategori 2
Kualiti Pengurusan Kategori 3
Kualiti Pengurusan Kategori 4

Pemeriksaan Penghuni Strata (Empowerment)

Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 1
Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 2
Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 3

Kualiti Penyampaian Perkhidmatan

Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 1
Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 2
Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 3

11	Keberkesanan Pelaksanaan Penguatkuasaan	22
11	Prestasi Pencapaian Tindakan Di Bawah Akta 663	22
12	Prestasi Pencapaian Tindakan Di Bawah Akta 757	23
14	Ringkasan Mengikut Negeri	24
15	Aktiviti Cawangan Pengurusan Strata	26
15	Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT	26
16	Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT 2015	27
17	Majlis Media Luncheon Bersama YB Timbalan Menteri Mesyuarat Penyelarasan COB di PBT 2015	28 29
18	Lampiran	30
	Lampiran 1	30
19	Lampiran 2	38
	Lampiran 3	40
20	Lampiran 4	44
	Lampiran 5	48
21	Lampiran 6	56

KATA ALU ALUAN

KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin rahmat-Nya Laporan Tahunan COB 2015 dapat dihasilkan. Laporan ini merupakan sumber rujukan dan panduan kepada pihak yang berkepentingan mengenai peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam memastikan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan.

YBHG. DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan



"Kementerian juga telah menguatkuasakan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Akta 663) bagi melindungi hak-hak komuniti strata."

Selari dengan visi Kementerian untuk mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan bagi masyarakat bandar khususnya kepada penghuni kediaman berstrata, beberapa program dan langkah-langkah intervensi telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

Program-program tersebut adalah program kesedaran dan pendidikan, penilaian kualiti pengurusan bangunan berstrata (star rating), dan bantuan strategik merangkumi aspek penguatkuasaan, auditan dan teknikal. Langkah – langkah intervensi pula merangkumi program baikpulih bangunan di bawah program Tabung Penyenggaraan 1 Malaysia (TP1M) dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP).

Kementerian juga telah menguatkuasakan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Akta 663) bagi melindungi hak-hak komuniti strata. Akta 757 ini diharap menjadi peneraju perubahan dalam mempertingkatkan kualiti pengurusan dan penyenggaraan skim strata melalui pemerkasaan penghuni strata secara menyeluruh.

Walaubagaimanapun, dengan harapan rakyat bandar terutamanya komuniti strata untuk menikmati keselesaan hidup yang semakin tinggi, pihak COB yang merupakan barisan hadapan Kerajaan berdepan dengan cabaran untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan mereka. Bagi menghadapi cabaran ini, terdapat keperluan supaya COB melengkapkan diri dengan kemahiran undang-undang, hubungan kemanusiaan dan aspek teknikal.

Justeru, laporan ini diharap dapat memberi panduan kepada COB untuk mengenali isu-isu dan cabaran serta merangka strategi dalam mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan selaras dengan usaha untuk mensejahterakan rakyat bandar.

SENARAI JADUAL

LAMPIRAN	JADUAL	SENARAI JADUAL
1	1	Keterangan Jenis Kesalahan Mengikut Seksyen Dalam Akta Bangunan & Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 (Akta 663).
	2	Keterangan Jenis Kesalahan Mengikut Seksyen Dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
	3	Keterangan Jenis Kesalahan Dalam Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015
2	4	Bilangan & Jenis Pihak Pengurusan Yang Ditubuhkan Berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan Yang Terdapat Dalam Kawasan COB PBT Kategori 1
	5	Bilangan & Jenis Aduan Yang Diterima Oleh COB PBT Kategori 1
	6	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 1
	7	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 1
	8	Bilangan & Kualiti Pengurusan (Star Rating) Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pemajuan Dalam Kawasan COB PBT Kategori 1
3	9	Bilangan & Jenis Pihak Pengurusan Yang Ditubuhkan Berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan Yang Terdapat Dalam Kawasan COB PBT Kategori 2
	10	Bilangan & Jenis Aduan Yang Diterima Oleh COB PBT Kategori 2
	11	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 2
	12	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 2
	13	Bilangan & Kualiti Pengurusan (Star Rating) Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pemajuan Dalam Kawasan COB PBT Kategori 2

LAMPIRAN	JADUAL	SENARAI JADUAL
4	14	Bilangan & Jenis Pihak Pengurusan Yang Ditubuhkan Berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan Yang Terdapat Dalam Kawasan COB PBT Kategori 3
	15	Bilangan & Jenis Aduan Yang Diterima Oleh COB PBT Kategori 3
	16	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 3
	17	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 3
	18	Bilangan & Kualiti Pengurusan (Star Rating) Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pemajuan Dalam Kawasan COB PBT Kategori 3
5	19	Bilangan & Jenis Pihak Pengurusan Yang Ditubuhkan Berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan Yang Terdapat Dalam Kawasan COB PBT Kategori 4
	20	Bilangan & Jenis Aduan Yang Diterima Oleh COB PBT Kategori 4
	21	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 4
	22	Bilangan & Jenis Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757 Yang Dijalankan Oleh COB PBT Kategori 4
	23	Bilangan & Kualiti Pengurusan (Star Rating) Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pemajuan Dalam Kawasan COB PBT Kategori 4
6	24	Bilangan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Negeri Tahun 2015.

AKRONIM DAN TERMINOLOGI

NO.	AKRONIM	KETERANGAN
1.	KB	Kesejahteraan Bandar
2.	BPP	Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
3.	COB	Commissioner of Building (Pesuruhjaya Bangunan)
4.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
5.	JMB	Joint Management Body (Badan Pengurusan Bersama)
6.	MC	Management Corporation (Perbadanan Pengurusan)
7.	COB Kategori 1	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
8.	COB Kategori 2	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 10,000 petak dan kurang daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
9.	COB Kategori 3	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 3,000 petak tetapi kurang daripada 10,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
10.	COB Kategori 4	Kawasan yang mempunyai bilangan petak kurang daripada 3,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
11.	Kawasan Pemajuan	Mana-mana tanah diberi hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik muktamad (sama ada hak- milik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) yang di atasnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada petak dibina atau sedang dalam pembinaan.


LATAR BELAKANG

Laporan tahunan 2015 ini merupakan laporan tahunan keenam yang disediakan bermula pada tahun 2010. Pada masa kini, penduduk di kawasan perbandaran mewakili hampir 70% penduduk bandar yang bersamaan 20 juta orang. Manakala penduduk strata mendiami 1.5 juta petak dianggarkan berjumlah 6 juta orang. Ini bermakna penghuni strata mewakili hampir 30% daripada penduduk bandar. Ini memberi makna bahawa sekiranya masalah penduduk strata dapat diselesaikan, sejumlah 30% masalah penduduk bandar telah dapat diselesaikan.


Daripada pemerhatian dan pemantauan yang dilaksanakan, masyarakat bangunan berstrata sudah mula mengetahui dan memahami keperluan untuk mempunyai pasukan pengurusan yang berkesan. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak lagi bangunan berstrata yang tidak dapat diuruskan dengan baik dan memuaskan walaupun untuk memenuhi tahap keperluan asas pengurusan seperti kebersihan, keselamatan dan persekitaran. Namun begitu, hasrat untuk melihat semua bangunan berstrata menikmati kualiti pengurusan yang mencukupi, telah menyemarakkan misi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk memperkukuhkan dasar dan mekanisma pemantauan pelaksanaan berkaitan pengurusan strata seluruh negara.

Pada 1 Jun 2015, Akta Pengurusan Strata 2013 telah dikuatkuasakan bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007. Menerusi penguatkuasaan Akta 757, sebuah Tribunal Pengurusan Strata juga ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan masalah atau pertikaian yang timbul dalam kalangan penghuni dan pihak-pihak berkepentingan dengan mudah, cepat dan murah. Apabila Akta 757 serta Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) dikuatkuasakan, pemilik boleh memfailkan kes terus ke tribunal ini bagi mendapatkan keputusan mutlak terhadap perkara yang dipertikaikan termasuklah terhadap segala nasihat dan pandangan yang telah diberikan oleh pihak Unit Pesuruhjaya Bangunan.

Dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada 1 Jun 2016 pihak Kementerian adalah komited dalam memastikan pelaksanaan pengurusan strata yang lebih komprehensif dan berkesan.



CARTA ORGANISASI



OBJEKTIF

Kualiti hidup penghuni bangunan berstrata amat berkait rapat dengan kualiti pengurusan bangunan. Oleh itu objektif laporan ini adalah untuk memantau tahap pengurusan yang terdapat di seluruh negara. Selain daripada itu, pemantauan juga dibuat terhadap jumlah aduan yang diterima, jumlah penubuhan JMB/MC dan jumlah penguatkuasaan yang diambil mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil laporan ini diharap dapat membantu Pesuruhjaya Bangunan di PBT merangka strategi dan pelan tindakan dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.


KUALITI KEHIDUPAN PENGHUNI BANGUNAN BERSTRATA

Kualiti kehidupan penghuni bangunan berstrata adalah merujuk kepada penilaian kualiti pengurusan kawasan pemajuan berstrata. Sebanyak 7,329 jumlah kawasan pemajuan berstrata telah terlibat dalam penilaian ini. Aspek kualiti yang dinilai adalah merujuk kepada kewangan, penyenggaraan, pentadbiran, pematuhan undang-undang, sokongan penduduk,

pengurusan keselamatan dan pengurusan risiko. Pada keseluruhannya tahun 2015, sejumlah 3,335 (46%) memperoleh penarafan 1 bintang, 1,729 (24%) 2 bintang, 1,687 (23%) 3 bintang, 504 (7%) 4 bintang dan 74 (1%) sahaja yang memperoleh penarafan 5 bintang seperti pada Carta 1.

Carta 1 Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Tahun 2015

Kualiti Kehidupan : 7,329 jumlah kawasan pemajuan berstrata




Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah 13,911 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, hanya 5,293 (38%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 2. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat 5 bintang (1%), 4 bintang 343 (6%), 3 bintang 1,320 (25%),

2 bintang 1345 (26%) dan 2,227 (42%) 1 bintang seperti pada Carta 2. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 8 (Lampiran 3).

Carta 2 Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan PBT Kategori 1

Kategori 1 : 13,911 kawasan pemajuan pada tahun 2015




Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 2,216 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,287 (58%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 3. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat 5 bintang (0.5%), 4 bintang 72 (5.5%), 3 bintang 110

(9%), 2 bintang 233 (18%) dan 867 (67%) 1 bintang seperti pada Carta 3. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 13 (Lampiran 3).

Carta 3 Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 2

Kategori 2 : 2,216 kawasan pemajuan pada tahun 2015




Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 710 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, hanya 372 (52%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 4. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat 5 bintang 10 (2.6%), 4

bintang 57 (15%), 3 bintang 143 (38.4%), 2 bintang 55 (15%) dan 107 (29%) 1 bintang seperti pada Carta 4. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 18 (Lampiran 5).

Carta 4 Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 3

Kategori 3 : 710 kawasan pemajuan pada tahun 2015




Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 4

COB PBT Kategori 4 mempunyai sejumlah 788 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, hanya 376 (48%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 5. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat 5 bintang 1(0.3%), 4

bintang 28 (7.4%), 3 bintang 114 (30.3%), 2 bintang 96 (25.5%) dan 134 (35.6%) 1 bintang seperti pada Carta 5. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 23 (Lampiran 4).

Carta 5 Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) bagi PBT Kategori 4

Kategori 4 : 788 kawasan pemajuan pada tahun 2015





PEMERKASAAN PENGHUNI STRATA (EMPOWERMENT)

Pemeriksaan penghuni strata adalah merujuk kepada penubuhan JMB/MC melalui mesyuarat agung tahunan. Mesyuarat agung ini memberi peluang kepada semua penduduk untuk memilih wakil-wakil penduduk dari jawatan kuasa pengurusan yang dikenali sebagai JMB/MC (Akta 757 /663/318). Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat agung

melibatkan proses keputusan berkenaan kewangan, undang-undang dan keharmonian penduduk secara keseluruhannya. Tahun 2015 menunjukkan sejumlah 9,371 (53%) daripada jumlah keseluruhan 17,625 kawasan pemajuan berstrata telah menubuhkan JMB/MC seperti pada Carta 6.

Carta 6 Jumlah keseluruhan bilangan JMB/MC berbanding bilangan kawasan pemajuan

Pemeriksaan : 17,625 jumlah kawasan pemajuan berstrata penubuhan JMB/MC




Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah 13,911 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Kategori 1 menunjukkan 7,740 (56%) JMB/MC telah ditubuhkan seperti pada Carta 7. Walau bagaimanapun, masih terdapat 6,171 (44%) kawasan pemajuan yang perlu

ditubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 1 adalah seperti di Jadual 1 (Lampiran 1).

Carta 7 Bilangan dan jenis pihak pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1

Kategori : 13,911 kawasan pemajuan pada tahun 2015




Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 2,216 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Kategori 2 menunjukkan 1,020 (46%) JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2015 seperti pada Carta 8. Walau

bagaimanapun, masih terdapat 1,196 (54%) kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 2 adalah seperti di Jadual 9 (Lampiran 3).

Carta 8 Bilangan dan jenis pihak pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasn Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2

Kategori 2 : 2,216 kawasan pemajuan pada tahun 2015




Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 710 kawasan pemajuan pada tahun 2015. Kategori 3 menunjukkan 297 (42%) JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2015 seperti pada Carta 9. Walau

bagaimanapun, masih terdapat 413 (58%) kawasan pemajuan yang perlu menubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 3 adalah seperti di Jadual 14 (Lampiran 4).

Carta 9 Bilangan dan jenis pihak pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3

Kategori 3 : 710 kawasan pemajuan pada tahun 2015




KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Kualiti penyampaian perkhidmatan adalah merujuk kepada jumlah aduan diterima yang berjaya diselesaikan oleh COB PBT. Pada tahun 2015, sebanyak 19,336 aduan telah diterima. Sejumlah 18,618 (96%) daripada jumlah aduan tersebut berjaya


diselesaikan. Carta 10 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut jenis, manakala Carta 11 menunjukkan bilangan aduan mengikut Kategori COB PBT.

Carta 10 Bilangan Aduan diterima mengikut jenis

**Kualiti Penyampaian Perkhidmatan :
19,336 aduan telah diterima pada tahun 2015**



Carta 11 Bilangan Aduan Mengikut Kategori COB PBT.




Jumlah penerimaan aduan tertinggi dalam tempoh empat tahun (2011-2014) adalah sejumlah 19,075 pada tahun 2011. Perbandingan jumlah aduan diterima pada tahun 2011 dan 2015 (19,336) menunjukkan

peningkatan sebanyak 261 aduan. Pola jumlah penerimaan aduan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti Carta 12.

Carta 12 Bilangan Aduan diterima mengikut tahun 2011 – 2015

Jumlah Aduan yang diterima




Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 1

Pada tahun 2015, sebanyak 17,000 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 13. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT

Kategori 1 adalah khidmat nasihat (18%). Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 5 (Lampiran 2).

Carta 13 Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB PBT kategori 1

Kategori 1 : 17,000 aduan telah diterima pada tahun 2015




Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 2

Pada tahun 2015, sebanyak 1,532 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 14. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT

Kategori 2 adalah Penguatkuasaan COB (35%)
Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 10 (Lampiran 3).

Carta 14 Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB PBT kategori 2

Kategori 2 : 1,532 aduan telah diterima pada tahun 2015




Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 3

Pada tahun 2015, sebanyak 552 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 15. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori

3 adalah Khidmat nasihat (46%). Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 15 (Lampiran 4).

Carta 15 Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB PBT kategori 3

Kategori 3 : 552 aduan telah diterima pada tahun 2015




KEBERKESANAN PELAKSANAAN

Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663

Keberkesanan pelaksanaan adalah merujuk kepada tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh COB PBT. Pada tahun 2015, sebanyak 4063 jenis tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh COB PBT. Daripada 9 jenis kesalahan (Jadual 1, Lampiran 1) yang boleh diambil tindakan, 94% adalah di bawah seksyen 34 (Pembeli yang gagal menjelaskan caj penyenggaraan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 jika sabit kesalahan). Statistik penguatkuasaan mengikut kategori dan statistik tindakan penguatkuasaan seperti pada carta-carta di bawah.



Carta 16 Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Akta 663 COB PBT Mengikut Kategori

4,063 jenis tindakan penguatkuasaan



Carta 17 Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 663

4063 jenis tindakan penguatkuasaan




Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757

Keberkesanan pelaksanaan adalah merujuk kepada tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh COB PBT. Pada tahun 2015, sebanyak 4,592 jenis tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh COB PBT. Daripada 9 jenis kesalahan (Jadual 2, Lampiran 1) yang boleh diambil tindakan, 51% adalah di bawah seksyen 78 (3) (Pembeli tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi notis bertulis di bawah subseksyen (1) boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan). Statistik penguatkuasaan mengikut kategori dan statistik tindakan penguatkuasaan seperti pada carta-carta di bawah.

Carta 18 Bilangan dan jenis tindakan penguatkuasaan Akta 757 pada tahun 2015


4,592 jenis tindakan penguatkuasaan



Carta 19 Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Akta 757

4,592 jenis tindakan penguatkuasaan

- | | |
|-----------------------|-----------------------|
| ■ Seksyen 6(6) | ■ Seksyen 48(4) |
| ■ Seksyen 9(5) | ■ Seksyen 51(1@51(2)) |
| ■ Seksyen 10(7) | ■ Seksyen 54(5) |
| ■ Seksyen 11(7) | ■ Seksyen 55(4) |
| ■ Seksyen 12(9) | ■ Seksyen 57(2) |
| ■ Seksyen 13(3) | ■ Seksyen 62(5) |
| ■ Seksyen 14(5) | ■ Seksyen 72(2)@72(3) |
| ■ Seksyen 18(2) | ■ Seksyen 78(3) |
| ■ Seksyen 26(5) | ■ Seksyen 92(6) |
| ■ Seksyen 29(3) | ■ Peraturan 6(5) |
| ■ Seksyen 30(2)@30(3) | ■ Peraturan 34(2) |
| ■ Seksyen 34(3) | ■ Peraturan 63(2) |



RINGKASAN MENGIKUT NEGERI

NATIONAL | Jumlah Skim Strata 17,625 skim
Bilangan petak 1,640,920 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 74	JMB - 3190
4 Bintang = 504	MC - 6156
3 Bintang = 1687	PEMAJU - 5015
2 Bintang = 1729	EJEN - 1694
1 Bintang = 3335	

WILAYAH PERSEKUTUAN | Jumlah Skim Strata 5,835 skim
Bilangan petak 437,714 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 26	JMB - 851
4 Bintang = 136	MC - 3087
3 Bintang = 132	PEMAJU - 615
2 Bintang = 143	EJEN - 1257
1 Bintang = 1062	

SELANGOR | Jumlah Skim Strata 6,172 skim
Bilangan petak 655,547 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 18	JMB - 1441
4 Bintang = 136	MC - 962
3 Bintang = 336	PEMAJU - 3096
2 Bintang = 1040	EJEN - 225
1 Bintang = 1424	

JOHOR | Jumlah Skim Strata 1,241 skim
Bilangan petak 141,603 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 12	JMB - 177
4 Bintang = 81	MC - 250
3 Bintang = 77	PEMAJU - 684
2 Bintang = 89	EJEN - 0
1 Bintang = 364	

PULAU PINANG | Jumlah Skim Strata 2,189 skim
Bilangan petak 249,731 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 4	JMB - 390
4 Bintang = 50	MC - 797
3 Bintang = 627	PEMAJU - 224
2 Bintang = 211	EJEN - 28
1 Bintang = 21	

KEDAH | Jumlah Skim Strata 140 skim
Bilangan petak 8,945 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 0	JMB - 24
4 Bintang = 8	MC - 11
3 Bintang = 8	PEMAJU - 111
2 Bintang = 8	EJEN - 2
1 Bintang = 15	

KELANTAN | Jumlah Skim Strata 34 skim
Bilangan petak 7,047 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 1	JMB - 13
4 Bintang = 5	MC - 6
3 Bintang = 26	PEMAJU - 11
2 Bintang = 2	EJEN - 0
1 Bintang = 0	

MELAKA | Jumlah Skim Strata 829 skim
Bilangan petak 35,124 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 1	JMB - 52
4 Bintang = 12	MC - 536
3 Bintang = 58	PEMAJU - 58
2 Bintang = 90	EJEN - 176
1 Bintang = 139	

PERLIS | Jumlah Skim Strata 10 skim
Bilangan petak 964 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 0	JMB - 64
4 Bintang = 0	MC - 156
3 Bintang = 1	PEMAJU - 20
2 Bintang = 1	EJEN - 0
1 Bintang = 0	

NEGERI SEMBILAN | Jumlah Skim Strata 610 skim
Bilangan petak 49,423 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 2	JMB - 93
4 Bintang = 35	MC - 272
3 Bintang = 43	PEMAJU - 143
2 Bintang = 60	EJEN - 3
1 Bintang = 98	

TERENGGANU | Jumlah Skim Strata 57 skim
Bilangan petak 4,331 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 0	JMB - 10
4 Bintang = 3	MC - 17
3 Bintang = 17	PEMAJU - 18
2 Bintang = 17	EJEN - 0
1 Bintang = 20	

PAHANG | Jumlah Skim Strata 199 skim
Bilangan petak 21,175 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 10	JMB - 69
4 Bintang = 32	MC - 60
3 Bintang = 72	PEMAJU - 29
2 Bintang = 13	EJEN - 3
1 Bintang = 42	

PERAK | Jumlah Skim Strata 296 skim
Bilangan petak 28,570 unit

Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)	Pihak Pengurusan
5 Bintang = 0	JMB - 64
4 Bintang = 2	MC - 156
3 Bintang = 36	PEMAJU - 20
2 Bintang = 55	EJEN - 0
1 Bintang = 150	

AKTIVITI CAWANGAN PENGURUSAN STRATA

Seminar Pengurusan Strata

Sebanyak 33 siri seminar telah diadakan pada tahun 2015 di seluruh Negara bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pemahaman Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) berkenaan Akta 663 dan Akta Pengurusan Strata (Akta 757) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015.

Usaha ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan JMB/MC dalam aspek penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata dari segi pentadbiran, operasi penyenggaraan, pengurusan kewangan, keselamatan, insuran dan baikpulih bangunan dan harta bersama.

Seminar ini merupakan kesinambungan kepada seminar yang telah diadakan sebelum ini. Tujuan seminar ini adalah bagi memastikan pendidikan secara berterusan. Kesan yang diterapkan melalui seminar ini dilihat dapat memberi manfaat positif kepada peserta. Ini penting bagi menambahbaik kualiti pengurusan dan penyenggaraan di skim strata masing-masing.

Seramai 7,265 peserta telah menghadiri seminar tersebut yang terdiri daripada JMB/MC, penduduk, pemaaju serta kakitangan PBT. Bilangan seminar dan jumlah peserta adalah seperti di Jadual 24 (Lampiran 6).



Kursus Auditan Dan Penyediaan Laporan Kewangan Badan Pengurusan Bangunan Berstrata 2015

Tarikh : 28 Mei 2015 – 30 Mei 2015 (Siri 1)
Tempat : Glory Beach Resort, Port Dickson, N.Sembilan

Tarikh : 11 Ogos 2015 (Siri 2)
Tempat : Bilik Latihan Aras 31, KPKT

Unit Auditan, Cawangan pengurusan strata telah menganjurkan 2 siri KURSUS AUDITAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN KEWANGAN BADAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA. Siri pertama kursus ini telah diadakan 28 Mei 2015 sehingga 30 Mei 2015 di Glory Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan. Seramai 41 orang peserta dari COB kategori 1,2 dan 3 yang terpilih telah terlibat untuk mengikuti kursus tersebut. Siri kedua kursus ini telah diadakan pada 11 Ogos 2015 di KPKT dan seramai 12 orang peserta dari COB kategori 4 yang telah terlibat.

Kursus ini telah dijayakan oleh 5 orang penceramah dari Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (KPKT), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan IM Global Property Consultants Sdn Bhd.

Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai COB PBT mengenai pelaksanaan Akta 757, GST dan MPERS serta menerangkan kepada pegawai COB PBT untuk membaca dan memahami penyata kewangan beraudit badan pengurusan bangunan berstrata serta sebagai platform untuk berbincang mengenai dan isu-isu bangunan berstrata.



Majlis Media Luncheon Bersama YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Sempena Pelaksanaan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Tarikh : 8 Jun 2015 (Isnin)
Tempat : Eastin Hotel Petaling Jaya

Pada 8 Jun 2015, kementerian telah mengadakan Majlis Media Luncheon bersama YB Timbalan Menteri KPKT YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique sempena pelaksanaan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Majlis ini diadakan untuk memaklumkan penetapan permulaan tarikh kuatkuasa Akta 757 kepada media. Majlis ini juga dianggap sebagai salah satu pendekatan untuk warga media melaporkan berkenaan pelaksanaan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) kepada masyarakat. Ia juga sebagai satu platform untuk menjalinkan hubungan baik di kalangan warga media dan Kementerian.



Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan Di PBT 2015

Tarikh : 10 Ogos 2015 (Isnin)
Tempat : Dewan Kristal, KPKT

Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan Di PBT 2015 merupakan mesyuarat tahunan yang untuk menyelaraskan pelbagai perkara antara unit-unit COB di seluruh PBT.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 71 ketua unit dan wakil daripada unit COB di PBT setiap negeri. Mesyuarat turut dimaklumkan dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), serta mekanisme pemantauan penguatkuasaan pengurusan bangunan berstrata di seluruh Negara. Turut dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah Prosedur Operasi Standard di bawah Akta 757.

Sejumlah 3 kertas kerja telah dibentangkan oleh wakil dari Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Cawangan Pengurusan Strata KPKT, dan unit COB Kajang.



LAMPIRAN 1

Jadual 1 Keterangan Jenis Kesalahan Mengikut Seksyen Dalam Akta Bangunan & Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 (Akta 663).

No.	Seksyen	Keterangan Jenis kesalahan
1	Seksyen 5	Pemaju tidak memanggil Mesyuarat Pertama
2	Seksyen 15(3)	JMC gagal menyerahkan akaun dan dokumen pengurusan
3	Seksyen 17 (7)	Pemaju tidak membuka Akaun Penyenggaraan Bangunan
4	Seksyen 20(3)	Larangan mengutip caj
5	Seksyen 21	Pemaju tidak mengemukakan akaun beraudit kepada Pesuruhjaya Bangunan
6	Seksyen 28	Ejen tidak memasukkan kutipan caj ke dalam Akaun Penyenggaraan Bangunan dalam tempoh 2 hari selepas diterima
7	Seksyen 30	Penamatan ejen – Gagal menyerahkan Akaun Penyenggaraan Bangunan (Unaudited/Audited) kepada Pesuruhjaya Bangunan dalam tempoh 1 bulan (1 bulan/3 bulan)
8	Seksyen 31(6)	Pemaju gagal membayar deposit kepada Pesuruhjaya Bangunan
